

Tarikh Dibaca: 1 SYAWAL 1439H

KHUTBAH EIDUL FITRI

Tajuk:

“MENSYUKURI EIDUL FITRI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 3. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 4. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Pensyarah, Universiti Selangor**
- 5. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 6. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 8. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 9. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 10. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 11. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



"MENSYUKURI EIDUL FITRI"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا
لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ
سُلْطَانِكَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ لَا أَحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ
أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ
مُتَلَاذِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾



Hadirin Jemaah Eidul Fitri yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT iaitu dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Lebih-lebih lagi pada hari kemenangan dan kegembiraan Eidul Fitri 1 Syawal ini. Kita hendaklah sentiasa berusaha dengan penuh istiqamah untuk terus mengangkat kualiti iman dan amal soleh. Semoga kita mendapat keredhaan Allah SWT serta perlindungan daripada api neraka.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah Eidul Fitri hari ini yang bertajuk "**MENSYUKURI EIDUL FITRI.**"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada hari ini, kita bergembira menyambut hari Raya Eidul Fitri setelah sebulan berpuasa. Semoga Allah SWT menerima segala ketaatan dan amal soleh yang telah kita lakukan. Ssama-samalah kita sebarkan dan luaskan ucapan yang mulia apabila bertemu rakan-rakan: تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ. Semoga Allah menerima segala amal soleh daripada kita semua.

Inilah ucapan yang disebut oleh nabi SAW. Diriwayatkan daripada Wathilah bin al-Asqo' (وَأَيْلَةُ بْنُ الْأَصْقَعِ) Radhiallahu Anhu dia berkata:

لَقِيتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَوْمَ عِيدٍ فَقُلْتُ: تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ، قَالَ: نَعَمْ، تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ



"Aku telah bertemu Rasulullah SAW pada hari raya, lalu aku berkata: Semoga Allah terima amalan daripada kami dan kamu". Nabi SAW menjawab: "Ya, semoga Allah menerima amalan daripada kami dan juga kamu."

(Riwayat al-Baihaqi).

Seluruh umat Islam pastinya bergembira pada hari yang mulia ini, saling mengucapkan tahniah dan berziarah sesama kita. Sejak semalam dengan terbenamnya matahari akhir Ramadhan, kita disunatkan bertakbir hari raya dan berakhir sebelum solat sunat Eidul Fitri tadi. Seterusnya kita telah menjamah juadah sebelum ke masjid dan surau sebagai suatu amalan sunnah. Kemudian kita berangkat ke masjid dan surau dengan mengenakan pakaian yang paling elok dan cantik untuk menunaikan solat sunat Eidul Fitri serta mendengar khutbah ini. Dan apabila pulang nanti sunat untuk kita melalui jalan yang lain daripada yang kita lalui sewaktu datang ke masjid dan surau di awal pagi tadi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Hari-hari yang berlalu dalam sebulan Ramadhan yang dipenuhi dengan amal soleh telah menyucikan hati kita serta membersihkan dosa kita. Siang hari kita berpuasa, dan malamnya kita beribadah menerusi solat terawih, membaca al-Quran dan berqiamullail. Selepas semua ini kita lalui, Allah SWT menganugerahkan kita kemenangan dengan penuh kegembiraan. Sebuah hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Bagi orang yang berpuasa itu dua kegembiraan, apabila berhari raya dia bergembira, dan apabila bertemu dengan Tuhan-Nya dia bergembira dengan puasanya".



(Riwayat al-Bukhari).

Tiada kegembiraan yang lebih besar daripada mendapat keredhaan Allah Azza wa Jalla. Tiada kejayaan yang lebih utama daripada kejayaan mentaati Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sebab itulah kita bertakbir membesarkan Allah SWT ketika menyambut kejayaan dan hari kemenangan ini. Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 185:

...وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

"Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur."

Hadirin dan hadirat sekalian,

Selain kemenangan dan kejayaan mentaati perintah Allah SWT, kesyukuran dan kegembiraan kita juga adalah kerana pengampunan Allah SWT terhadap dosa-dosa kita. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Lima solat fardhu, Jumaat hingga Jumaat berikutnya dan Ramadhan sehingga Ramadhan berikutnya adalah penghapus dosa di antara keduanya apabila meninggalkan dosa-dosa besar."

(Riwayat Muslim).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



Muslimin dan muslimat sekalian,

Dalam kegirangan dan kegembiraan Eidul Fitri, hiasilah hari kemenangan ini dengan ketaatan kepada Allah, sebagai tanda kesyukuran yang sebenar. Ketaqwaan dan keampunan Allah Azza wa Jalla yang telah diperolehi hendaklah dipertahankan dan dijaga dengan penuh rapi.

Kita mesti menjauhi segala maksiat dan dosa yang boleh merosakkan serta menghancurkan segala amal soleh yang telah dilakukan sepanjang sebulan Ramadhan. Renungilah perumpamaan yang Allah SWT telah berikan menerusi Firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 92:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّتِي نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ أَنْكَاثًا...

"Dan janganlah kamu menjadi seperti perempuan yang telah merombak satu persatu benda yang dipintalnya, sesudah ia selesai memintalnya kuat teguh."

Oleh itu, elakkan daripada sebarang pembaziran ketika menghias rumah dan menghidang juadah yang pelbagai. Buang segala persengketaan, dendam dan khilaf ketika bertemu dan berinteraksi sesama muslim. Jangan dedahkan aurat serta membiarkan pergaulan bebas tanpa batasan ketika berkunjung dan bertegur sapa sesama sanak saudara. Dan jauhilah perbuatan yang menyakiti hati orang lain sama ada di jalan raya atau dalam komuniti kejiranan. Semua ini boleh merobek dan merosakkan binaan taqwa dan keampunan Allah SWT sepanjang bulan Ramadhan lalu.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian,



Bulan Syawal juga adalah bulan silaturrahim. Ayuh kita syukuri Eidul Fitri dengan menghidupkan amalan ziarah-menziarahi sesama kita khususnya sanak saudara, rakan taulan dan sahabat handai. Hubungan yang telah terputus kerana kerjaya dan terpisah kerana jarak, perlu sambung semula di bulan yang mulia ini.

Termasuk dalam amalan ini ialah menziarahi kenalan dan rakan-rakan ibu dan ayah kita. Menziarahi mereka dikira sebagai berbuat baik kepada kedua ibu bapa kita yang telah meninggal dunia. Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhu bahawa nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَبْرَّ الْبِرِّ صَلَاةُ الْوَالِدِ أَهْلًا وَوَدَّ أَبِيهِ

"Sesungguhnya termasuk berbuat baik yang paling bagus adalah seorang anak yang menghubungkan silaturrahim dengan kenalan orang tuanya."

(Riwayat Muslim).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin Sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengingatkan hadirin sekalian dengan perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah mensyukuri Eidul Fitri sebagai nikmat daripada Allah SWT kepada hambanya yang beriman yang telah selesai melaksanakan kewajipan ibadah puasa.



2. Umat Islam hendaklah terus istiqamah melakukan ketaatan dan pada hari kemenangan dan kegembiraan di bulan Syawal, tanpa merosakkannya dengan maksiat dan dosa.

3. Umat Islam hendaklah saling ziarah-menziarahi, memaafkan dan melupakan segala persengketaan, untuk mempertahankan perpaduan ummah.

4. Umat Islam jangan lupa untuk menunaikan puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal yang fadhilatnya amat besar disisi Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا
تَجْمَعُونَ

"Katakanlah (Wahai Muhammad) "kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)".

(Surah Yunus : 58).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَى أُمَّةٍ
مُحَمَّدٍ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ وَجَعَلَ الْعِيدَ بَهْجَتَهَا عَلَى
مَدَى السِّنِينَ وَالْأَيَّامِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
عِبَادَ اللَّهِ ! أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.



Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah,

Saya mengingatkan diri saya dan para jemaah sekalian agar takut dan bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, semoga dengan itu kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah:

Sesungguhnya Allah dan para Malaikat berselawat kepada Nabi. oleh itu wahai orang-orang yang beriman ucapkanlah selawat dan salam kepada Baginda.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ،
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ



Wahai Tuhan yang Maha Agung, kami memohon kepada-Mu melalui ketinggian yang dikurniakan kepada Nabi dan Kekasih-Mu Muhammad, dan kami memohon melalui Nama dan sifat-Mu yang Maha Agung agar Engkau peliharakanlah Raja Kami Duli yang Maha Mulia Sultan Syarafuddin Idris Syah Al Haj ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Al-Haj.

Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, kekalkanlah pertolongan, hidayah dan petunjuk-Mu kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibn Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj agar sentiasa dalam keamanan dan kesejahteraan dengan kebaikan dan kemurahan-Mu, ya Allah ya Zaljalali wal ikram!.

Lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keberkatan dan 'inayah-Mu agar sentiasa dapat menabur bakti kepada agama, negeri serta rakyat jelata seluruhnya. Sampaikanlah hasrat kedua Baginda untuk terus memartabatkan dan memayungi agama Islam di Negeri ini sehingga dapat mencapai keridhaan dan maghfirah-Mu ya Allah Ya Arhamarrahimin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ
